05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SIKAP PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN KOMPONEN SASTERA DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KES

MOHD ARIS ABD HAMID

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
OGOS 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SIKAP PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN KOMPONEN SASTERA DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KES

MOHD ARIS BIN ABD HAMID
NO. PEND. 992-00011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

OGOS 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Bahawasanya saya mengaku sesungguhnya tesis ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya catatkan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ogos 2002

MOHD ARIS BIN ABD HAMID
No. Pend. 992-00011

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SEKALUNG BUDI

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih, terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya tesis ini dapat disempurnakan dalam masa yang telah ditentukan. Jutaan terima kasih kepada semua tenaga akademik Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, khasnya kepada penyelia saya, iaitu Profesor Madya Dr. Alias Mohamad Yatim dan Encik Idris Mohd Radzi yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar dengan sepenuh hati tanpa berasa jemu. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Osman Lebar, yang banyak memberikan kerjasama, nasihat, dan dorongan bagi menyiapkan tesis ini. Seterusnya, terima kasih juga kepada rakan-rakan setugas, khasnya Tuan Haji Abd. Rahman, Puan Hajah Zuraidah dan Puan Azlina yang sudi menerima pelawaan saya untuk ditemu bual bagi tujuan kajian ini. Begitu juga terima kasih kepada para pelajar yang menjadi responden dalam tugasan ini. Tidak ketinggalan saya merakamkan sekalung budi yang tidak terhingga kepada isteri-isteri dan anak-anak tersayang yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan kejayaan saya. Pengorbanan semua pihak yang tidak ternilai itu semoga akan mendapat rahmat daripada Allah s.w.t. Akhirnya, saya amat berharap agar usaha yang sekecil ini akan memberi manfaat yang besar kepada golongan pendidik, Pusat Perkembangan Kurikulum, dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengorak langkah untuk memartabatkan sistem pendidikan bertaraf dunia, khususnya dalam bidang pengajaran Bahasa Melayu.

Sekian, wassalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah telah banyak berlaku perubahan dari segi kandungannya, jika dilihat sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Perubahan yang terbaru ialah kemasukan unsur komponen sastera (KOMSAS) bermula pada bulan Mac tahun 2000. Kewujudan KOMSAS ini bermakna pelajar bukan sahaja mempelajari nahu bahasa Melayu, malah mereka juga akan berpeluang mendalami dan menghayati aspek-aspek asas dalam kesusasteraan. Kehadirannya bukan sekadar menambahkan inti pati pengajaran bahasa, tetapi lebih daripada itu iaitu memperdalami bahasa dan budaya Melayu yang dibanggakan selama ini. Dalam kajian ini, penyelidik meninjau sikap pelajar tingkatan empat terhadap pelaksanaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dalam tinjauan ini, tiga aspek akan diteliti, yakni kognitif (pemikiran), afektif (emosi), dan psikomotor (tingkah laku). Soalan-soalan temu bual dikemukakan yang menjurus kepada ketiga-tiga aspek tersebut. Bagi mengukuhkan dapatan, pandangan guru-guru, pemerhatian semasa pengajaran KOMSAS, dan keputusan peperiksaan pelajar juga diambil kira. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa KOMSAS membawa banyak impak sama ada kepada pelajar, masyarakat mahupun negara. Didapati KOMSAS banyak membawa kesan positif. Antara dapatan yang dapat dikesan ialah para pelajar meminati KOMSAS, namun begitu kebanyakan pelajar bermasalah dalam mempelajari beberapa genre sastera seperti puisi, prosa klasik, dan drama. Pengajaran KOMSAS dapat memupuk nilai kemanusiaan dalam diri pelajar yang menjadi unsur penting dalam pembinaan negara, khususnya bagi melahirkan masyarakat madani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PUPILS ATTITUDE TOWARDS IMPLIMENTATION OF LITERATURE COMPONENT IN THE TEACHING OF MALAY LANGUAGE: A CASE STUDY

ABSTRACT

The teaching of Malay language in schools in Malaysia has gone through many changes in its content, even since independence. The latest change happened with the introduction the literature component (KOMSAS) beginning March 2000. The presence of KOMSAS means that students not only learn about the Malay grammar, more so, they too have the chance to study in depth and assimilate basic aspects of literature. Its presence not only increases the subject matter in the teaching of the language, but the assimilation the Malay language and culture. In this research, the researcher surveys the students' attitudes of form four toward the implementation of KOMSAS in teaching of Malay language by using the qualitative method. In this survey, three aspects will be investigated, that is cognitive (thoughts), affective (emotional) and psychomotor (behaviour). Questionnaires are directed toward these three aspects.To support the results, teachers' views, observation during the teaching of KOMSAS, and the results of students in the examination were also taken into account. The result from this research shows that KOMSAS has brought many impacts either to the pupils, community or the nation. It is found that KOMSAS brings many positive effects. Among the results that is found is that pupils are interested in KOMSAS. However, most of them are having problem in learning some of the literary genre such as poem, classic text and drama. Teaching KOMSAS can inculcate human values in the pupils themselves which become an important element in nation building, espcially in producing civil society.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
SEKALUNG BUDI		iii
ABSTRAK		iv
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI RAJAH		x
BAB I	PENGENALAN	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Bahasa Dan Komponen Sastera Dalam Sistem Pendidikan	1
	1.2 Penyataan Masalah	20
	1.3 Objektif Kajian	22
	1.4 Soalan Kajian	23
	1.5 Kepentingan Kajian	23
	1.6 Batasan Kajian	24
	1.7 Definisi Istilah	25
	1.7.1 Komponen Kognitif	26
	1.7.2 Komponen Afektif	26
	1.7.3 Komponen Psikomotor	26
	1.8 Rumusan	27
BAB II	TINJAUAN LITERATUR	
	2.0 Pendahuluan	28
	2.1 Literatur Berkaitan	29
	2.2 Pengertian Sikap	38
	2.2.1 Pengukuran Sikap	48
	2.2.2 Perubahan Sikap	50
	2.3 Kajian Berkaitan	54
	2.4 Rumusan	64

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan 66
3.1 Rekabentuk Kajian 66
3.2 Kaedah Kualitatif 67
3.3 Kajian Kes 69
3.4 Populasi dan Sampel Kajian 71
3.5 Alat Kajian 72
3.6 Prosedur Pengumpulan Data 74
3.7 Prosedur Penganalisisan Data 74
3.8 Rumusan 75

BAB IV KONTEKS KAJIAN DAN PROFIL RESPONDEN

4.0 Pendahuluan 76
4.1 Konteks Kajian 76
4.2 Profil Responden 84
4.3 Rumusan 87

BAB V LAPORAN PENYELIDIKAN

5.0 Pendahuluan 88
5.1 Laporan dan Analisis Penyelidikan 89
5.2 Pandangan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Pengajaran KOMSAS 90
5.2.1 KOMSAS Memperkaya Bahasa dan Mempertajamkan Fikiran 90
5.2.2 KOMSAS dan Kepentingannya Pada Zaman Sains dan Teknologi 96
5.3 Penerimaan Pelajar Terhadap KOMSAS 101
5.3.1 KOMSAS dan Kepentingannya Dari Sudut Kurikulum dan Budaya 101
5.3.2 Pemahaman dan Penguasaan KOMSAS 104
5.3.3 KOMSAS dan Masyarakat Majmuk 108
5.4 KOMSAS dan Kesannya Kepada Tingkah Laku Pelajar 111
5.5 Rumusan 126

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Halaman

BAB VI KESIMPULAN DAN PENEMUAN

	6.0 Pendahuluan	127
	6.1 Kesimpulan	127
	6.2 Diskusi Kajian	130
	6.3 Cadangan Kajian lanjut	138
	6.4 Rumusan	139
Kepustakaan		141
Lampiran A	*Soalan Temu Bual*	147
Lampiran B	*Jadual 4*	151
Lampiran C	*Senarai Responden Pelajar dan Guru*	152
Lampiran D	*Surat Kelulusan Menggunakan Soalan Kajian*	153
Lampiran E	*Surat Kebenaran Menjalankan Kajian*	154
Lampiran F	*Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Sekolah*	155

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual/Rajah	Halaman
1	Jenis Bahan Sastera dan Peruntukan Waktu mengajar	14
2	Peruntukan Waktu Untuk KOMSAS Dalam Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu Hingga Lima	14
3	Jumlah Karya Untuk KOMSAS Dalam Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu Hingga Lima	15
4	Jadual Markah Responden Mengikut Genre Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2001	151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Nama Rajah	Halaman
1	Pelan Kedudukan Pelajar Dalam Kelas	82

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini memaparkan latar belakang atau sejarah bahasa dan sastera dalam sistem pendidikan di Malaysia sehingga kemasukan komponen sastera (KOMSAS) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kemudian diutarakan pula penyataan masalah bagi menjelaskan fenomena yang timbul berhubung dengan kehadiran komponen ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bahagian ini juga, dinyatakan objektif dan kepentingan kajian ini dilakukan. Soalan dan batasan kajian dinyatakan untuk dijadikan sebagai garis panduan serta ruang lingkup kajian ini. Pada bahagian akhir bab ini, dijelaskan pula definisi istilah bagi menerangkan maksud 'sikap' yang menjadi tumpuan kajian.

1.1 Latar Belakang Bahasa Dan Komponen Sastera Dalam Sistem Pendidikan

Pendidikan merupakan aspek penting dalam membentuk diri individu yang merupakan satu proses 'sosialisasi' atau pemasyarakatan dalam jargon atau istilah sosiologi (Robiah, 1994: 1). Menurut Robiah (1994: 7-9) lagi, fungsi yang paling jelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimainkan oleh pendidikan ialah meluaskan pengetahuan dan kemahiran tertentu, sebagai alat perpaduan, membentuk moral atau perkembangan individu serta menyediakan masyarakat untuk masa depan. Dalam hal ini bahasa Melayu boleh menjadi instrumen penting bagi memenuhi fungsi-fungsi tersebut.

Di Malaysia, bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar ilmu bermula sejak kemerdekaan 1957 lagi. Kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi diwartakan dalam Perlembagaan Persekutuan, manakala kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi secara khusus diwartakan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan sebagai bahasa pengantar ilmu pula diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961 dan kemudian dalam Akta Pendidikan 1996 (Awang Sariyan, 1999 : 866).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedudukan yang istimewa kepada bahasa Melayu itu berdasarkan sebab-sebab yang munasabah, lebih-lebih lagi berkait rapat dengan proses pembinaan negara Malaysia sebagai "negara baharu", iaitu negara yang baharu mencapai kemerdekaan. Sehubungan dengan kedudukan itu, bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib, terutama di peringkat persekolahan. Di peringkat institusi pengajian tinggi pula, kebanyakan universiti mempunyai dasar mewajibkan pelajar mengambil kursus bahasa Melayu, khususnya Bahasa Melayu Akademik dan lulus sebagai syarat untuk dikurniai ijazah (Awang Sariyan, 1999: 866). Menurut Awang Sariyan lagi, perkembangan pendidikan bahasa Melayu itu dapat dibahagi secara kronologis sebagai yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Pendidikan bahasa Melayu pada zaman awal;
b. Pendidikan bahasa Melayu pada zaman penjajah Inggeris;
c. Pendidikan bahasa Melayu sesudah merdeka : era prareformasi pendidikan; dan
d. Pendidikan bahasa Melayu sesudah merdeka : era reformasi pendidikan.

Berdasarkan urutan sejarah, pendidikan bahasa Melayu di Malaysia sebenarnya telah bermula pada abad ke-19 lagi. Hal ini terbukti, misalnya dasar Inggeris tentang pendidikan Melayu dinyatakan secara rasmi dalam Minit Residen British Negeri Sembilan kepada Residen Jeneral bertarikh 14 Jun 1898, iaitu seperti yang berikut :

> *Pendidikan setempat (vernakular) mengajar budak-budak Melayu membaca dan menulis Melayu, Ilmu Kira-kira, Ilmu Alam, dan Rumi. Pelajaran sebanyak ini akan menjadikan mereka berperaturan, taat, dan bersih, dan sesuai untuk menjadikan mata-mata, peon, kerani-kerani, kastam, pekerja Jabatan Hutan, dan Penyelia Lombong. Setakat itu baguslah.*
>
> (Awang Sariyan, 1999: 871)

Pada ketika itu pendidikan bahasa Melayu diajar semata-mata untuk anak-anak Melayu menjalani kehidupan yang sederhana sahaja. Sementara untuk dijadikan sebagai bahasa ilmu, bahasa pemikiran, dan bahasa tamadun tidak wujud sama sekali, apatah lagi dengan pengehadan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja (Awang Sariyan, 1999 : 871).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lantaran kedudukan bahasa Melayu yang dipandang rendah pada ketika itu, muncullah kesedaran daripada individu, kumpulan, mahupun pertubuhan untuk meletakkannya di tempat yang sepatutnya. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi merupakan orang pertama yang paling lantang memberi semangat kepada orang Melayu bagi memartabatkan bahasa Melayu ini. Dalam bukunya Hikayat Abdullah 1, Abdullah (1964: 4) menulis:

> *Adalah satu hairan dan terchengang aku sebab melihatkan dan memikirkan hal orang Melayu itu, belum sedar akan dirinya, ia tinggal dalam bodoh-nya itu, oleh sebab ia tidak mahu belajar bahasa-nya sendiri, dan tiada mahu menaroh tempat belajar bahasa-nya itu; maka mustahil pada 'akal', ada-kah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai dengan sendiri-nya? Bukan-kah segala bangsa yang lain dalam dunia ini masing-masing ada belajar bahasa-nya, melainkan orang Melayu?*
>
> (Abdullah, 1964: 4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada pernyataan di atas, jelas bahawa Abdullah Munsyi menggesa orang Melayu mempelajari dan membuat penyelidikan tentang bahasa Melayu bagi meletakkannya di suatu tempat yang sepatutnya.

Selain orang perseorangan, terdapat juga badan tertentu yang turut berusaha untuk meninggikan taraf bahasa Melayu. Hal ini terbukti melalui tindakan yang dilakukan oleh Angkatan Sasterawan '50 (1987: 22-23). Beberapa tahun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pertubuhan ini telah mengusulkan beberapa cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi mengisi cita-cita menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam masa 10 tahun dan mengelakkan tekanan daripada bahasa Inggeris, antaranya ialah:

a. Bahasa pengantar di sekolah kebangsaan ini ialah bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

b. Bahasa Melayu hendaklah menjadi satu mata pelajaran yang dimestikan di sekolah-sekolah kebangsaan.

c. Sekolah-sekolah yang berbahasa pengantar Tionghua ataupun Tamil boleh didirikan dengan izin kerajaan. Syarat-syaratnya untuk keizinan itu ialah bahawa bahasa kebangsaan (Melayu) mesti diajarkan sebagai mata pelajaran yang mesti dan sukatan pelajaran seluruhnya mestilah sama dengan sukatan pelajaran sekolah kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi bentuk dan susunan sekolah menengah, Angkatan Sasterawan '50 (1987: 23-24) mengesyorkan agar:

a. Bahasa pengantar di sekolah menengah kebangsaan mestilah bahasa Melayu.

b. Bahasa Kebangsaan (Melayu) terus menjadi mata pelajaran yang dimestikan di sekolah menengah kebangsaan.

c. Kesusasteraan Melayu (lama dan baru) pula diajarkan sebagai mata pelajaran yang mesti di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saranan Angkatan Sasterawan '50 itu, bukan sahaja mengutamakan bahasa Melayu malah turut menjadi tumpuan ialah kesusasteraan Melayu. Perjuangan Angkatan Sasterawan '50 ialah perjuangan peminat-peminat bahasa dan kesusasteraan Melayu yang dilancarkan dengan kesedaran politik dan sosial, kesedaran bahawa perpaduan kebangsaan adalah perlu untuk mencapai kemerdekaan (Memorandum Angkatan Sasterawan '50, 1987: 27). Bagi mereka, bahasa dan sastera Melayu itu amat penting dalam membentuk perpaduan kebangsaan dan seterusnya dalam memperjuangkan kemerdekaan. Hal ini jelas tergambar dalam pendirian mereka seperti yang berikut:

> *... dengan sikap dan pendirian yang tegas bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dan perjuangan kemerdekaan; bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk memajukan fikiran rakyat, sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan pendamaian hidup.*
>
> (Memorandum Angkatan '50, 1987: 27)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam memperjuangkan bahasa Melayu itu, para ilmuan Melayu tidak mengetepikan kesusateraan Melayu. Pada dekad 50-an lagi, penulis-penulis pada zaman itu seperti Keris Mas, Usman Awang, dan sebagainya dalam Asas '50, berpendapat bahawa ilmu sastera itu boleh dijadikan alat kesedaran sosial dan politik kepada masyarakat Melayu pada waktu itu, yang hidupnya di bawah pemerintahan penjajah (Misran, 2000: 8).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sistem pendidikan, Jawatankuasa Barnes (1951) telah mengesyorkan bahawa sekolah kebangsaan hanya menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan salah satu bahasa ini akan digunakan secara meluas sebagai bahasa kedua (Sufean, 1993: 25). Walau bagaimanapun, kedudukan bahasa Melayu dalam Laporan Barnes ini kurang jelas kerana bahasa Inggeris masih menjadi pilihan utama atau paling tidak, setaraf dengan bahasa Melayu.

Berikutan kekaburan kedudukan bahasa Melayu lebih-lebih lagi kesusasteraan Melayu dalam Laporan Barnes itu, Laporan Jawatankuasa Pendidikan 1956 atau lebih dikenali sebagai Laporan Razak telah lebih agresif. Laporan Razak dengan jelas menyatakan bahawa:

> *...tujuan dasar pendidikan dalam negara ini adalah untuk menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negara ini dengan menggunakan satu peraturan pendidikan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama dengan cara beransur-ansur.*
>
> (Sufean, 1993: 29)

Menurut Awang Sariyan (1999 : 872), khusus tentang taraf bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kebangsaan, Laporan Razak dalam Perenggan 18 mengusulkan bahasa Melayu mestilah dipelajari di semua sekolah, dan dijadikan satu syarat pertolongan yang diberi oleh kerajaan di dalam semua sekolah. Manakala dalam Perenggan 22(b) pula menyarankan bahasa Melayu dijadikan satu pelajaran yang mustahak untuk mendapat Sijil Rendah (Lower Certificate) dan Sijil Pelajaran Kebangsaan (National Certificate of Education). Sementara itu, Perenggan 71 ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencadangkan agar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris wajib diajar di sekolah-sekolah menengah (Sekolah Menengah Kebangsaan-P).

Laporan Razak 1958 ini digubal adalah bagi menjelaskan bukan sahaja tentang pendidikan bahasa malah sastera juga perlu diperkenalkan di sekolah. Ekoran daripada Laporan Razak tersebut mata pelajaran sastera yang disebut 'Malay Literature' telah dijadikan subjek pilihan dalam peperiksaan Federation of Malay Certificate Of Education (FMC), iaitu pada tahun 1957 (Misran, 2000: 9). Bermula dari sinilah pendidikan sastera telah mendapat tempat dalam sistem pendidikan di negara ini.

Bertitik tolak daripada Laporan Razak (1956), dalam Ordinan Pelajaran 1957 dan seterusnya cadangan-cadangan dasar daripada kedua-dua laporan (Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960)), telah dimaktubkan pula dengan lebih jelas kedudukan bahasa Melayu dalam Akta Pelajaran 1961. Dengan ini status bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu ini lebih kukuh dan terjamin. Dalam pendahuluan Akta Pelajaran 1961 menjelaskan:

> *...Dan bahawasanya peruntukkan selanjutnya adalah dikehendaki untuk menentukan agar dasar tersebut dilaksanakan secara berkesan, termasuk khususnya peruntukan bagi perkembangan yang progresif bagi suatu sistem pelajaran dalam mana Bahasa Kebangsaan adalah menjadi bahasa pengantar utama.*
>
> (Sufean, 1993: 89)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk menegakkan atau mendaulatkan bahasa Melayu ini, lebih-lebih lagi bagi menyatukan rakyat berbilang kaum, bahasa Melayu telah dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah dan kelulusan dalam mata pelajaran ini adalah dijadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/LCE, SPM/MCE dan STPM/MCVE (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1982: 84).

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif bagi tingkatan empat dan tingkatan lima sejak tahun 1957 lagi dan seterusnya disesuaikan dengan matlamat pendidikan pada tahun 1984. Mata pelajaran ini seterusnya disesuaikan pula dengan konteks Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Marohaini, 2000: 331). Sejak tahun 1978, kesusasteraan Melayu merupakan satu bahagian penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Melihat kepada keistimewaan yang ada pada kesusasteraan itu, maka pada tahun 1994, unsur sastera dijadikan satu komponen dalam pengajaran kemahiran bahasa (Marohaini, 2000: 330).

Unsur sastera yang dimaksudkan seperti yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah (1987: 10) meliputi bahan-bahan sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama cerita klasik, dan puisi lama seperti pantun, syair, gurindam, seloka, dan bahasa berirama. Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa satu waktu daripada enam waktu seminggu hendaklah digunakan untuk pengajaran sastera,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak termasuk penggunaan bahan pengajaran yang terdiri daripada karya sastera untuk pengajaran kemahiran bahasa dan sistem bahasa (Awang Sariyan, 1999: 886). Ekoran daripada pelaksanaannya yang kurang berkesan (Pusat Perkembangan Kurikulum 1995 dan 1998), komponen pengajaran kesusasteraan Melayu (KOMSAS) pula diperkenalkan iaitu mulai Mac 2000. Pengenalan komponen baru ini sebenarnya selain daripada ketidakberkesanan yang dikenal pasti oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, pelaksanaannya secara langsung menyahut usul yang dikemukakan oleh GAPENA dalam mesyuarat agung ke-27 pada bulan Mac 1998, yang mendesak Kementerian Pendidikan agar subjek Kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai mata pelajaran teras (Misran, 1999: 70). Pengumuman senarai karya yang terpilih bagi komponen wajib Kesusasteraan Melayu oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada 22 Julai 1999, menyemarakkan usaha penerapan KOMSAS ini yang berlandaskan keperluan dan kepentingannya.

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini, pada peringkat awalnya diimplementasikan kepada pelajar tingkatan satu dan tingkatan empat, manakala pada tahun 2001 akan pula dilaksanakan kepada semua pelajar tingkatan dua dan lima, dan seterusnya kepada semua pelajar (tingkatan 1,2, 3, 4, dan 5) pada tahun 2002. KOMSAS ini pula akan mula dinilai dalam peperiksaan awam iaitu, PMR pada tahun 2002 dan SPM 2001.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan pelaksanaan KOMSAS ini secara langsung dapat meluaskan penyebaran sastera kepada para pelajar. Perkembangan ini membawa pengertian bahawa bilangan pelajar yang mempelajari ilmu kesusasteraan, walaupun mempelajari aspek-aspek asas adalah merangkumi kesemua pelajar sekolah menengah dari tingkatan satu hingga lima. Kamaruzaman Abdullah (2000), dalam kertas kerjanya "*Seminar Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu*" di Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) pada Mei 2000 telah menggariskan kerasionalan KOMSAS ini diperkenalkan iaitu:

a. Memenuhi matlamat pendidikan bahasa Melayu untuk membolehkan pelajar-pelajar;

    i. Menghargai dan membanggakan bahasa Melayu;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

    ii. Memahami sistem bahasa Melayu dan menggunakannya dengan tepat;

    iii. Menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan;

    iv. Menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam perhubungan seharian; dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Membaca pelbagai bahan sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang.

b. Merangsang minat pelajar membaca, mengenal, menikmati dan mengapresiasi bahan sastera, iaitu dengan cara mendekatkan diri pelajar dengan kesemua genre yang terdapat dalam ilmu sastera seperti novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional dan juga puisi tradisional yang mempunyai ciri-ciri yang berlainan.

c. Membolehkan pelajar mempertingkatkan daya fikir dan sahsiah melalui penerapan aspek-aspek yang dipelopori oleh watak-watak baik, jujur, berani dan juga gagah perkasa yang terkandung dalam sesuatu cerita bagi setiap genre sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Membolehkan pelajar mendalami pengetahuan tentang penulisan dan sejarah perkembangan sastera yang akhirnya pelajar berkeupayaan untuk menghasilkan karya sastera bagi genre yang ringan seperti cerpen dan sajak, dan jika diasuh dengan teliti, mereka boleh menjadi penulis yang berbakat satu masa nanti.

e. Membantu pelajar meningkatkan ketrampilan berbahasa yang merangkumi ketiga-tiga kemahiran, iaitu lisan (mendengar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertutur), membaca dan menulis yang akan menambahkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi, berinteraksi, berdiskusi dan memperkemaskan mutu penulisan.

Dari sudut falsafah pula menurut Kamaruzaman (2000) dalam kertas kerja yang sama, beliau menjelaskan bahawa pengajaran sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi aspek-aspek berikut:

a. Memenuhi dan selari dengan falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.
b. Membantu melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berakhlak mulia.
c. Membantu pelajar mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang terhadap keharmonian masyarakat dan negara.
d. Membolehkan pelajar mempelajari dan menilai budaya dan nilai masyarakat.
e. Membolehkan pelajar memperluas dan memperkaya perbendaharaan kata khususnya istilah kesusasteraan.

Bagi melaksanakan pengajaran ini, dua waktu daripada enam waktu Bahasa Melayu diperuntukkan . Bahan sastera yang digunakan dan waktu yang diperuntukkan ditunjukkan dalam jadual di sebelah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1

Jenis Bahan Sastera dan Peruntukan Waktu Mengajar

Genre	Waktu (40minit)	Bilangan karya
Novel	11	1
Cerpen	11	6
Drama	11	3
Prosa Tradisional	11	4
Puisi Tradisional	6	6
Puisi moden (sajak)	6	6
	56 waktu	**26 karya**

Jumlah peruntukan waktu KOMSAS dari tingkatan satu hingga lima adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2

Peruntukan Waktu Untuk KOMSAS Dalam Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu Hingga Lima

GENRE	TING. 1	TING. 2	TING. 3	TING. 4	TING. 5	JUMLAH
Novel	11	11	11	11	11	55
Cerpen	11	11	11	11	11	55
Drama	11	11	11	11	11	55
Puisi Moden	6	6	6	6	6	30
Puisi Tradisonal	6	6	6	6	6	30
Prosa Tradisional	11	11	11	11	11	55
Jumlah	**56**	**56**	**56**	**56**	**56**	**280**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual 2, pengajaran novel, cerpen, drama, dan prosa tradisional diperuntukkan sebanyak sebelas waktu, manakala pengajaran puisi tradisional dan moden hanya enam waktu bagi keseluruhan genre tersebut untuk setiap tingkatan.

Dari sudut jumlah karya kreatif yang perlu dibaca oleh setiap pelajar sepanjang tempoh lima tahun persekolahan dari tingkatan satu hingga lima ialah 130 buah. Data ini dapat ditunjuk seperti berikut:

Jadual 3

Jumlah Karya Untuk KOMSAS dalam Pelajaran Bahasa Melayu
Tingkatan Satu Hingga Lima

GENRE	TING. 1	TING. 2	TING. 3	TING. 4	TING. 5	JUMLAH
Novel	1	1	1	1	1	5
Cerpen	6	6	6	6	6	30
Drama	3	3	3	3	3	15
Puisi Moden	6	6	6	6	6	30
Puisi Tradisional	6	6	6	6	6	30
Prosa Tradisional	4	4	4	4	4	20
Jumlah	**26**	**26**	**26**	**26**	**26**	**130**

Aspek yang akan dilihat dalam bahan-bahan tersebut pula ialah tema atau pemikiran, watak, latar, citra, plot dan teknik, unsur dan nilai, gaya bahasa, unsur bunyi, dan unsur keindahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum pelaksanaan KOMSAS ini, sudah ada bahan sastera yang diketengahkan dalam pengajaran Bahasa Melayu sejak tahun 1978 lagi (sebagaimana yang termaktub dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Bahasa Malaysia 1978). Namun begitu, hanya sebilangan kecil genre yang menjadi bahan pengajaran guru-guru di sekolah, iaitu petikan atau sedutan pendek daripada cerpen-cerpen atau prosa klasik, puisi moden dan lama sahaja. Dari segi pengajarannya pula, guru hanya menumpukan kepada pemahaman dan makna bagi kosa kata tertentu. Ringkasnya, pengajaran bahan sastera sebelum ini hanya memfokuskan pemahaman pelajar terhadap petikan atau bahan sastera daripada genre yang terhad. Sebaliknya KOMSAS yang diperkenalkan adalah merangkumi pelbagai genre dan penekanan pengajaran kepada berbagai-bagai unsur sastera yang dapat memperkemaskan lagi "kemahiran lisan (bertutur) , dan menulis" (Knapton dan Evans, 1967: 2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun pengajaran KOMSAS nampaknya seolah-olah sama seperti subjek Kesuasteraan Melayu elektif tetapi sebenarnya terdapat perbezaan dan kelainannya. KOMSAS berobjektif untuk meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca bahan sastera di kalangan pelajar yang dirasakan mudah dicapai kerana pengajarannya dipelajari oleh kesemua pelajar sekolah menengah di tingkatan satu hingga tingkatan lima (Kamaruzaman, 2000: 9). Hal ini berbeza dengan Kesusasteraan Melayu elektif yang hanya diikuti oleh segelintir pelajar di tingkatan empat dan lima sahaja. Objektif subjek Kesusasteraan Melayu elektif adalah untuk mengembangkan dan mengekalkan minat pelajar terhadap kesusasteraan. Lebih daripada itu, subjek ini memperluas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tumpuan dan penguasaan pelajar dalam pelbagai aspek kesusasteraan yang diharapkan dapat menjadi bekalan kepada pelajar Kesusasteraan Melayu elektif sebagai persediaan menyambung pelajaran yang lebih tinggi kemudian nanti. (Kamaruzaman, 2000: 10)

Kementerian Pendidikan, khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum berasa bimbang dengan jumlah bilangan pelajar yang semakin berkurangan mempelajari atau mengikuti pengajaran sastera. Kebimbangan ini semakin terasa setelah diketahui dan diakui oleh para pendidik bahasa dan dapatan-dapatan kajian bahawa pengajaran sastera mempunyai potensi dan manfaatnya. Dengan itu, tidak ada jalan lain lagi bagi menanganinya melainkan mewajibkan KOMSAS ini kepada semua pelajar sekolah menengah.

Jika dilihat kepada pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, ia semakin tidak popular terutama mata pelajaran ini digolongkan dalam pakej kemanusiaan (Mohd Soror, 1999: 1). Dalam persijilan SPM terbuka, Kesusasteraan Melayu diletakkan dalam susunan pilihan pakej yang keempat atau kelima selepas pelajaran Sains Tulen. Jumlah pelajar yang mengambil pelajaran ini bertambah tenat kerana mereka menganggap mata pelajaran ini tidak mendatangkan nilai komersial. Pelajar yang memilih Kesusasteraan Melayu ini akibat tiada pilihan, bukan kerana meminatinya. Kebanyakan pelajar yang terbabit terdiri daripada mereka yang lemah pencapaian akademiknya dan yang diselubungi pelbagai rupa masalah peribadi, keluarga, persekitaran, dan sebagainya (Mohd.Soror, 1999: 1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika diperhatikan jumlah pelajar yang mengambil Kesusasteraan Melayu di Daerah Batang Padang, Perak pada tahun 1999, ternyata kenyataan ini benar. Pada tahun 1999 jumlah pelajar yang mengambil SPM ialah 2974 orang, manakala yang mendaftar bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu hanya tujuh ratus orang sahaja (Berdasarkan Laporan Kurikulum Bersama Daerah Batang Padang). Hal ini hanya melibatkan 23.5 peratus pelajar sahaja.

Kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan memandang berat masalah ini. Kesuasteraan Melayu merupakan mata pelajaran yang penting dan berperanan besar dalam pembangunan insan, minda dan negara. Dalam hal ini Shahnon Ahmad dalam bukunya *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan* (1993: 15), menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan ilmu yang dinamik yang selalu mengubah pemikiran masyarakatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu juga merupakan suatu mata pelajaran yang mementingkan perkembangan afektif, iaitu pembentukan sikap, perkembangan daya pemikiran yang kritis dan kreatif. Dalam *Dewan Sastera* (Misran, 1999: 64-65), Probst (1987) menjelaskan bahawa:

> *Literature provides us not knowledge ready-made but the opportunity to make knowledge . And it is knowledge not about thing –those leaves to scientist and engineers but about relationships and values and purpose. It is the kind of knowledge that each individual responsible for.*
>
> (Probst, 1987)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyataan Probst (1987) disokong oleh Raja Mokhtaruddin yang menyarankan supaya karya kreatif kesusasteraan dijadikan bahan utama dalam pengajaran dan penyelidikan bahasa Melayu. Beliau menyatakan bahawa karya sastera bukan sekadar bahan yang membentuk peribadi sesuai dengan budaya bangsanya, malah karya sastera itu akan menerapkan nilai-nilai yang luhur sesuai dengan nilai mutlak dalam Islam (Shahnon Ahmad, 1993 : 15).

Jika dilihat dari sudut kurikulum, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu KBSM tingkatan satu hingga tingkatan lima, pengajaran unsur sastera memang tidak dapat dipisahkan, kerana unsur sastera adalah sebahagian daripada pendidikan Bahasa Melayu. Memandangkan kepentingan kesusasteraan Melayu itu, bagi memastikan semua pelajar mempelajarinya, KOMSAS digubal dan dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan ini dapat membantu mencapai matlamat yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dibuat untuk menilai sejauh mana sikap dan penerimaan pelajar terhadap KOMSAS serta keberkesanan pelaksanaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Penyataan Masalah

Pelaksanaan KOMSAS, pengajaran unsur sastera di sekolah khususnya di tingkatan empat dan lima tidak lagi sebagai sumber tambahan bagi mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu semata-mata. Sebaliknya, dengan komponen baru ini, aspek pembelajarannya lebih luas iaitu dari sudut penghayatan atau apresiasi sastera. Mampukah para pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang dan kaum ini mempelajarinya sebagai satu bidang sastera?

Dengan pelaksanaan KOMSAS ini, bererti semua pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan lima (kira-kira 350,000 pelajar setiap tingkatan) akan mendapat pendedahan tentang sastera Melayu berbanding dengan sekarang hanya sebahagian kecil (lebih kurang 90,000 pelajar) sahaja yang mengambil Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran elektif di tingkatan empat dan lima (Kamaruzaman, 2000: 2).

Dengan memasukkan KOMSAS (sebagai satu bidang sastera) dalam pengajaran Bahasa Melayu, bermakna semua pelajar sama ada dalam aliran sains, sastera atau vokasional/teknik akan mempelajarinya. Walau bagaimanapun mata pelajaran ini kurang diminati dan sesetengah pelajar khasnya bukan Melayu yang menganggapnya sukar dipelajari. Ada pula yang mendakwa mata pelajaran ini diambil oleh pelajar yang lemah (Misran, 1999: 64). A. Aziz (2000: 14-15) menyetujui dakwaan tersebut dengan menjelaskan bahawa pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan tingkatan empat, lima, dan enam kebanyakannya bukan daripada golongan pelajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cemerlang. Pelajar mengambilnya sekadar untuk lulus peperiksaan semata-mata. Ekoran daripada fenomena ini terdapat juga sekolah-sekolah di negara ini yang menutup atau tidak menawarkan lagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini kepada pelajar tingkatan empat dan lima. Di Daerah Batang Padang, Perak misalnya, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Tapah, Sekolah Menengah Kebangsaan Besout, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungkai adalah antara sekolah yang bertindak sedemikian. Dalam hal ini, Sahlan (1994), menyatakan bahawa masalah memandang remeh mata pelajaran ini adalah antara fenomena negatif yang telah lama berakar umbi di kalangan masyarakat Melayu sendiri, kalaupun turut wujud di kalangan masyarakat bukan Melayu.

Dengan mewajibkan semua pelajar (Melayu dan bukan Melayu) mempelajari KOMSAS ini adalah amat baik tetapi memungkinkan timbulnya masalah minat, pemahaman, penguasaan, dan penghayatan kepada para pelajar. Jika dilihat pada tahun 1999, daripada tujuh ratus (23.5 peratus) calon aliran sastera di Daerah Batang Padang yang mengambil Kesusasteraan Melayu dalam peperiksaan SPM, 75.7 peratus telah lulus. Daripada jumlah tersebut, 30.6 peratus hanya mendapat gred tujuh dan lapan sahaja (Dipetik daripada analisis peperiksaan SPM 1999, Kurikulum Bersama Daerah Batang Padang, Perak). Jika pelajar daripada aliran sastera yang dikatakan berminat dengan Kesusasteraan Melayu ini tidak mampu mendapat kelulusan yang baik, apatah lagi pelajar-pelajar dalam aliran sains dan vokasional/teknik. Oleh itu, pelaksanaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu ini dijangka mendatangkan pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah, misalnya pelajar tidak berminat, rendah pemahaman dan penguasaan serta penghayatan yang lemah, yang akhirnya boleh merendahkan mutu dan peratus kelulusan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu nanti.

Dalam mengharapkan sumbangan yang besar daripada pengajaran kesusasteraan kepada negara, kita tidak harus mengabaikan kesannya kepada mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri. Apakah sikap pelajar, lebih-lebih lagi pelajar bukan Melayu terhadap KOMSAS, amnya Bahasa Melayu itu sendiri? Bagi pelajar, suka atau tidak, susah atau senang, terpaksa mempelajarinya mengikut jadual yang ditetapkan. Adakah mereka boleh menerimanya atau sebaliknya? Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana sikap pelajar terhadap KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu ini. Dapatan kajian ini kelak dapatlah merangka tindakan susulan bagi memperkemaskan lagi pengaplikasian KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan pelajar terhadap pengajaran KOMSAS dari aspek kepentingannya terhadap individu, masyarakat, dan negara. Selain itu, pemahaman pelajar tentang genre-genre sastera yang dipelajari juga menjadi fokus. Dalam hal ini, penyelidik meneliti kebolehfahaman dan penguasaan pelajar terhadap bahan-bahan sastera yang dibaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik juga meninjau sikap pelajar terhadap pengajaran KOMSAS ini. Berhubung dengan hal ini, sikap dalaman dan luaran diri pelajar menjadi tumpuan kajian ini. Seterusnya, objektif kajian ini adalah untuk meninjau kemampuan pelajar menghayati pengajaran dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam bahan-bahan sastera yang diajar dalam pengajaran KOMSAS tersebut. Sehubungan itu, penyelidik meneliti keupayaan pelajar mengenal pasti nilai-nilai murni dalam bahan sastera tersebut dan sejauh manakah mereka dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa soalan seperti berikut:

a. Apakah pandangan pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu?

b. Sejauh manakah penerimaan pelajar terhadap aspek KOMSAS yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Melayu?

c. Apakah kesan tingkah laku yang ditunjukkan oleh pelajar akibat daripada kemasukan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu?

1.5 Kepentingan Kajian

Pengajaran KOMSAS merupakan satu aspek yang baru kepada para pelajar. Justeru para pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam mempelajari karya sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari sudut apresiasi atau kajian bidang yang khusus. Oleh hal yang demikian, antara kepentingan kajian ini adalah dapat menjadi rujukan kepada guru-guru bagi merangka pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang lebih berkesan dalam pengajaran KOMSAS. Keberkesanan guru mengajar genre sastera ini akan berupaya memberi motivasi kepada pelajar agar berminat dalam mempelajarinya.

Di samping kepentingan di atas, penemuan kajian ini akan memberi input kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum bagi merangka strategi untuk guru-guru menghadapi dan menangani sebarang fenomena. Fenomena ini merangkumi permasalahan dari segi bahan-bahan pengajaran, modul dan kaedah pengajaran, dan sebagainya.

Selain itu, hasil kajian ini akan menyumbang input kepada pihak Bahagian Pendidikan Guru untuk menilai kesesuaian bahan dan pengkaedahan pengajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu ini, seterusnya menyusun serta memperkemas pengajaran ini dari aspek pengendalian latihan perguruan yang lebih berkesan di kalangan guru-guru pelatih sama ada di maktab perguruan mahupun di universiti tempatan. Tenaga pengajar di institusi-institusi ini perlu lebih bersedia dan berketrampilan bagi menghasilkan guru-guru yang berkemahiran dan berkebolehan dalam pengajaran KOMSAS ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan yang dilakukan merupakan satu kajian kes. Daerah kajian yang dipilih ialah daerah Batang Padang, Perak. Manakala sekolah yang menjadi pilihan ialah sebuah sekolah yang terletak di selatan daerah itu, iaitu kira-kira dua puluh sembilan kilometer dari bandar Tapah.

Sekolah ini dipilih berikutan lokasinya di luar bandar. Kedua, sekolah ini merupakan sekolah campuran pelbagai bangsa iaitu Melayu, Cina dan India. Ketiga, sekolah ini merupakan sekolah harian biasa yang terletak di luar bandar, sudah tentu pelajarnya mempunyai latar belakang keluarga yang pelbagai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Definisi Istilah

Kajian sikap ini begitu penting kerana dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat tentang kecenderungan, perasaan, prasangka, idea atau keyakinan terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan. Hasil kajian tersebut dapat dijadikan petunjuk semasa tentang perubahan kepercayaan dan kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar. Bagi mengenal pasti dan memperoleh maklumat-maklumat tersebut, tiga komponen sikap menjadi fokus kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Komponen Kognitif

Komponen ini adalah berhubung dengan pemikiran (mental) dan perinterpretasian terhadap sesuatu perkara. Melalui komponen ini, pandangan pelajar terhadap KOMSAS akan diambil kira. Pandangan ini adalah berkaitan dengan implikasi umum pengajaran genre sastera kepada individu, masyarakat, dan negara.

1.7.2 Komponen Afektif

Komponen ini adalah berkaitan dengan emosi atau perasaan. Dalam kajian ini, emosi pelajar terhadap pelaksanaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu akan ditinjau. Emosi yang dimaksudkan ini ialah nilai rasa baik atau tidak baik, suka atau tidak suka dan perkara-perkara yang seumpamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Komponen Psikomotor (tingkah laku)

Aspek yang menjadi tumpuan dalam komponen ini ialah kelakuan atau tingkah laku pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS tersebut. Melalui komponen ini, tindak-tanduk lahiriah pelajar dijadikan ukuran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggabungan ketiga-tiga komponen ini menjadikan kajian ini lebih menyeluruh, iaitu merangkumi aspek dalaman dan luaran para responden yang terbabit. Dengan adanya sifat yang menyeluruh ini, kajian ini menjadi lebih objektif.

1.8 Rumusan

Komponen sastera adalah aspek penting dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana di samping membantu menerapkan kemahiran berbahasa, komponen ini juga boleh membentuk peribadi luhur yang menjadi matlamat sistem pendidikan negara. Ketiadaan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu, menyebabkan sebahagian kecil sahaja pelajar yang akan mempelajarinya. Namun begitu, kehadirannya akan mengundang beberapa masalah yang mungkin boleh menjejaskan subjek Bahasa Melayu tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini, yang mengkaji sikap pelajar terhadap pengajaran KOMSAS dari tiga sudut , iaitu aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pelbagai pihak menangani masalah yang timbul kesan daripada kehadiran KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi